# Soalan-soalan Lazim

Kempen MediAsas

**S1: Apakah itu Kempen MediAsas?**

Kempen MediAsas ialah kempen yang menawarkan ganjaran kepada pelanggan baharu yang memenuhi syarat dan menyertai MediAsas melalui pautan unik yang diberikan dalam komunikasi WhatsApp daripada Kaotim, serta mengekalkan sijil mereka berkuat kuasa sekurang-kurangnya 15 hari dari tarikh kuat kuasa sijil.

**S2: Siapakah yang layak menyertai kempen ini?**

Kempen ini terbuka kepada individu yang menerima komunikasi WhatsApp daripada nombor rasmi Kaotim (+60 3-2267 0363) semasa tempoh kempen dan menyertai MediAsas selaras dengan terma dan syarat kempen ini.

**S3: Berapa lamakah tempoh kempen ini?**

Kempen ini akan berlangsung dari 20 November 2026 jam 12:00 tengah malam Waktu Malaysia (*MYT*) sehingga 30 November 2026 jam 11:59 malam *MYT*.

**S4: Bagaimanakah kempen ini berfungsi?**

Peserta yang layak akan menerima komunikasi WhatsApp daripada nombor rasmi Kaotim (+60 3-2267 0363) berkaitan MediAsas semasa tempoh kempen. Peserta yang layak mestilah menyertai MediAsas melalui pautan unik yang diberikan dalam komunikasi WhatsApp tersebut sepanjang tempoh kempen, dan sijil mereka hendaklah kekal berkuat kuasa sekurang-kurangnya 15 hari dari tarikh kuat kuasa sijil untuk layak menerima ganjaran.

**S5: Mengapakah saya menerima komunikasi WhatsApp ini?**

Komunikasi WhatsApp ini dihantar hanya kepada pelanggan Takaful Malaysia yang terpilih. Sebagai sebahagian daripada kempen ini, tawaran istimewa diberikan secara eksklusif kepada pelanggan terpilih yang layak.

**S6: Apakah ganjaran untuk kempen ini?**

Peserta akan menerima PIN Tambah Nilai Touch ’n Go eWallet bernilai RM40 sekiranya mereka memenuhi terma dan syarat kempen ini.

**S7: Apakah yang berlaku selepas saya menyertai MediAsas melalui pautan unik tersebut?**

Sebaik sahaja anda berjaya menyertai MediAsas melalui pautan unik yang diberikan dalam komunikasi WhatsApp dan sijil anda kekal berkuat kuasa sekurang-kurangnya 15 hari dari tarikh kuat kuasa sijil, anda akan layak menerima ganjaran.

**S8: Bagaimanakah saya akan menerima ganjaran saya?**

Ganjaran akan dihantar dalam bentuk PIN Tambah Nilai Touch ’n Go eWallet dalam tempoh 2 minggu selepas tamat tempoh kempen.

**S9: Bagaimanakah cara untuk menebus PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet saya?**

Langkah 1: Muat turun aplikasi Touch ’n Go eWallet melalui App Store, Google Play Store, HUAWEI AppGallery atau Samsung Galaxy Store.

Langkah 2: Salin PIN Tambah Nilai.

Langkah 3: Buka aplikasi Touch ‘n Go eWallet dan tekan ‘Tambah nilai’.

Langkah 4: Di bawah ‘eWallet’, pilih ‘PIN tambah nilai’.

Langkah 5: Tampal PIN 10-digit anda dan tekan ‘Teruskan’

Langkah 6: Tekan ‘Tambah nilai sekarang’ dan RM40 akan dikreditkan ke baki eWallet anda, tertakluk pada sebarang fi yang dikenakan oleh Touch 'n Go.

**S10: Apakah yang berlaku jika saya membatalkan sijil saya dalam tempoh 15 hari pertama dari tarikh kuat kuasa sijil?**

Jika sijil anda dibatalkan atau tidak lagi aktif dalam tempoh 15 hari pertama dari tarikh kuat kuasa sijil, anda tidak akan layak menerima ganjaran.

**S11: Apakah yang berlaku sekiranya ganjaran saya tamat tempoh sebelum ditebus?**

Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang ganjaran yang telah tamat tempoh atau tidak digunakan. Sila tebus PIN Tambah Nilai Touch ’n Go eWallet anda sebaik sahaja menerimanya.

**S12: Siapakah yang perlu saya hubungi sekiranya terdapat isu berkaitan PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet?**

Bagi sebarang isu berkaitan PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Kaotim melalui e-mel hello@kaotim.my.

**S13: Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak menerima ganjaran saya?**

Sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Kaotim melalui e-mel hello@kaotim.my sekiranya anda tidak menerima ganjaran anda.

**S14: Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang kempen ini?**

Untuk maklumat lanjut, anda boleh:

- Kunjungi laman web MediAsas melalui https://kaotim.my/ms/campaigns/kaotim-mediasas-campaign/;
- E-mel ke hello@kaotim.my;
- Hubungi Perkhidmatan Pelanggan Kaotim di 1-300 80 2525; atau
- Kunjungi Cawangan Takaful myCare Centre (TMCC) yang terdekat.

Diuruskan oleh:
Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad 198401019089 (131646-K) ("Takaful Malaysia") | Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia, No. 4 Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur | Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Dokumen ini telah dijana berdasarkan Versi 1.0 (November 2026).